

NO. SOALAN : 379

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

SOALAN : 379

YB Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di manakah 16,569 unit rumah mampu milik (RMM) di bawah Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang dalam proses pembinaan di Pulau Pinang. Jika masih belum dibina, apa tindakan yang bakal diambil berhubung penerbitan berkenaan. Jika benar, perincikan lokasi, jumlah unit bagi setiap lokasi dan kos. Berikan juga pecahan unit, lokasi dan kos pelaksanaan PPA1M bagi setiap negeri.

210

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 16,514 unit kediaman PR1MA di Negeri Pulau Pinang iaitu di kawasan Parlimen Bukit Gelugor, Balik Pulau, Permatang Pauh, Bukit Bendera dan Tasek Gelugor.

Berkat sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, daripada jumlah kediaman yang diluluskan, sebanyak 1,017 unit di Permatang Pauh telah berada didalam fasa pembinaan. Manakala 10,703 unit pula akan memulakan pembinaan dalam jangka masa terdekat setelah PR1MA memperolehi semua kelulusan berkaitan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan selebihnya berada dalam peringkat perancangan.

PR1MA menjangkakan lebih banyak projek yang akan memulakan pembinaan tidak lama lagi setelah menerima kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Selain itu, PR1MA juga bersedia untuk mengadakan rundingan dan perbincangan bersama Kerajaan Negeri dan PBT bagi sebarang cadangan lain berkenaan pembangunan PR1MA di Negeri Pulau Pinang.

PR1MA akur bahawa hal ehwal tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sama seperti pemaju swasta yang lain, PR1MA juga masih tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan PBT. PR1MA percaya dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri dan PBT, semestinya pelaksanaan pembangunan PR1MA dapat berjalan dengan lancar.

Berkenaan pembangunan PPA1M pula, kelulusan projek PPA1M setakat 15 November 2017 adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	JUMLAH KESELURUHAN	
		BIL. PROJEK	JUMLAH BIL. UNIT
1	JOHOR	18	6,180
2	KEDAH	65	9,149
3	KELANTAN	76	7,984
4	MELAKA	18	5,434
5	NEGERI SEMBILAN	22	6,690
6	PAHANG	55	5,126
7	PULAU PINANG	12	12,889
8	PERAK	33	9,477
9	PERLIS	9	659
10	SELANGOR	33	16,770
11	TERENGGANU	17	4,049
12	SABAH	18	8,000
13	SARAWAK	11	6,152
14	KUALA LUMPUR	21	16,660
15	PUTRAJAYA	19	17,530
16	LABUAN	1	160

Sekian, terima kasih.